

Umat Islam jangan abaikan aspek halal demi menu viral



Felo Penyelidik Institut Pengurusan Halal (IHM) dan Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IRS), Universiti Utara Malaysia

Oleh Dr Syarifah Md Yusof
bhrencana@bh.com.my

Industri halal Malaysia diunjurkan berkembang kepada AS\$113.2 billion (RM500.4 billion) pada 2030, dengan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) sebanyak 8.1 peratus menjelang 2025 menerusi Pelan Induk Industri Halal (HIMP) 2030.

Justeru, tidak hairan industri halal dalam negara semakin berkembang terutama dalam sektor penyediaan makanan dan perkhidmatan.

Baru-baru ini terdapat pasar raya mengambil langkah berani apabila mengemukakan premisnya menghentikan penjualan minuman beralkohol bagi memenuhi keperluan sijil halal selepas mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) di bawah skim Premis Makanan.

Berita ini amat mengujakan dan menggembirakan ramai pengguna terutama pengguna Muslim. Menurut standard halal MS1500:2019 Makanan Halal - Keperluan Umum, khamr iaitu arak tidak dibenarkan dihasilkan, dijual atau berada di premis mendapat sijil halal.

Arak dan minuman beralkohol dikategorikan sebagai najis mutawassitah (najis pertengahan) seperti dinyatakan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2020 (MPPHM 2020) dan dilarang sama sekali berada dalam premis. Malahan kedai makan menjual arak atau minuman beralkohol tidak layak sama sekali memohon sijil halal.

Begitu juga halnya dengan produk makanan dan menu berasaskan babi juga tidak dibenarkan sama sekali dijual di kedai mempunyai sijil halal.

Tindakan syarikat terbabit menghapuskan pen-

jualan minuman beralkohol adalah untuk memberi keyakinan kepada pengguna supaya tidak berasa ragu mengenai status halal produk mereka. Pensijilan halal akan memberi keyakinan kepada pengguna mengenai status halal.

Namun, ada kedai mengambil jalan mudah dengan mempamerkan 'No Pork' atau 'No Lard' ataupun 'No alkohol' di kedai mereka bagi menarik pelanggan Muslim.

Soalnya, adakah memadam pengguna meletakkan keyakinan halal apabila kedai sekadar mempamerkan 'No Pork' atau 'No Lard' ataupun 'No alkohol' di kedai mereka? Cukupkah sekadar melihat ada pekerja kedai memakai tudung, lalu dianggap makanan disajikan adalah halal?

Berhati-hati memilih makanan

Masih perlukah lagi sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sedangkan pi-

“Sikap berhati-hati pilih makanan halal semakin penting kerana pada masa kini kedai makan viral dan berasaskan produk luar negara mendapat tempat di hati pengguna tempatan termasuk Muslim”

hak kedai membuat pengakuan tiadanya alkohol atau babi disajikan? Atau oleh kerana terdapat pekerja memakai tudung atau ramai pelanggan Muslim di kedai dijadikan sandaran makanan di kedai itu halal.

Oleh itu, sikap berhati-hati memilih makanan halal menjadi semakin penting kerana pada masa kini kedai makan viral dan berasaskan produk daripada luar negara khususnya negara bukan Islam semakin mendapat tempat di hati pengguna tempatan termasuk Muslim, khasnya premis menyajikan menu dari negara blok Asia Timur.

Status halal menu makanan berasal dari negara terbabit boleh diragukan dan boleh 'jatuh' dalam status syubhah sekiranya tiada logo halal diiktiraf, malah boleh jadi haram sekiranya mengandungi arak atau bersumberkan daripada babi.

Selain itu, kedai bakeri dan pastri milik pasar raya terkenal juga perlu diteliti status halalnya kerana terdapat kedai bakeri tidak memiliki sijil halal. Bahan ramuan dalam pembuatan roti, kek dan pastri juga sangat kritikal kerana ia boleh bersumberkan daripada sumber tidak halal.

Hakikatnya, kedai sebegini tidak memberi jaminan ia benar-benar halal. Namun, realitinya, terdapat pengguna Islam makan di kedai sebegini. Ia meragukan dan boleh termasuk dalam kategori 'syubhah' kerana tidak pasti apakah makanan dalam keseluruhan kedai dikendalikan mengikut hukum syarak dan tidak mengandungi ramuan haram.

Dalam hal ini, terdapat hadis menyarankan umat Islam meninggalkan perkara 'syubhah' atau diragui dan mengambil apa yang jelas halal serta menjauhi apa yang jelas haram. Oleh itu, pengguna Muslim wajar berhati-hati memilih kedai makan dan apa yang dimakan kerana makanan akan menjadi darah daging seseorang serta memberi kesan kepada hati dan jiwa seseorang.